



Tahun 3 No. 12

1 hbl August, 19

KHAS MEMBERI SELAMAT DATANG KEPADA AHLI BARU MMN, SATERUS-NYA
MEMBERI NASEHAT AHLI2 SEMUA -

TELAH berlangsung satu Majlis Mashuarat Negeri bertempat di-Lapau Diraja pada 21hbl July, 1958 yang lalu khas kerana memberi selamat datang kepada sa-orang ahli-nya yang terkemuka, Yang Berhormat Tuan British Resident D.C. White C.

B.E., O.S.S. Tuan White telah menggantikan tempat Tuan J.O. Gilbert sebagai British Resident Brunei kerana melangsungkan chuti-nya di-United Kingdom dan saterus-nya bersara.

Sabagai Pengerusi Majlis, DYMM Sultan telah bertitah dengan panjang lebar memberi selamat datang kepada Tuan White dan saterus-nya menasihatkan para ahli mashuarat itu supaya menitek beratkan tugas masing2 sabagai ahli dalam majlis itu.

"Terhindar-nya nasib rakyat negeri ini, sama ada baik atau burok, ada-lah langsung tertanggung ka-atas keputusan majlis ini", titah baginda.

Tatkala memperkuatkan kedudukan majlis itu yang ia-nya betul2 untok kepentingan rakyat seluruh-nya, baginda bertitah, "Jangan-lah kita sifatkan majlis ini sabagai papan chator dan ahli2-nya, kita semua ini buah-nya (buah chator). Oleh yang demikian saya harap semua ahli2 Yang Berhormat jangan segan2 dan jangan takut2 bagi mengeluarkan naschat2 dan buah2fikiran mengadakan ulasan2, minta penerangan2 yang penoh dan memberi keterangan2 dan sebab yang jelas dan tepat yang mana di-fikirkan-nya sabenar2-nya dan sasungguh2-nya akan mendatangkan kebajikan kepada negeri dan rakyat."

Baginda saterus-nya bertitah mengatakan bahawa memang sedia ada antara ahli2 itu bertulus ikhlas menghadapi nasehat2nya tetapi kesal pula baginda kerana maseh ada lagi yang segan2 dan kkuatir bagi mengeluarkan buah2fikiran-nya mau pun nasehat2 yang berguna.

ANTARA ISI2-NYA

- @ Pertandingan Membacha Qoran, 100 orang para peserta.
- @ SOAS Kalahkan Kerjaraya.
- @ Pintu Gerbang Peraya'an.
- @ Memperelok Kawasan Bandaran.
- @ Pertandingan Akhir Membacha Qoran sa-Negeri.
- @ Bergelar. dll.

JAMA'AH HAJI TIBA DI-BRUNEI

Jama'ah2 Haji yang telah pun selesai menunaikan far-dzu Haji telah telah se-lamat ke i ka-Tanah Ayer di-Band. unei pada 23hbl July yang baharu lalu ini dari Labuan dengan kapal2 Kerajaan Brunei, "Bolkiah" dan "Sul". Dari Singap-ura mereka telah menumpangi kapal "K... is".

----- == -----

TIBA DARI UNITED KINGDOM

Tiga orang anak Brunei telah tiba di-Lapangan Ka-pal Terbang Brunei pada 22hbl July, 1958 selepas berada di-United Kingdom. Mereka itu datang dengan kapal terbang melalui Si-ngapura.

Keti beliau itu ia-lah Pehin B Jahari Awang Abd. Rahman, Inche' Talib bin Darwish dan Inche' Isa bin Haji Ibrahim.

Pehin Bendahari dan In-che' Talib balek kerana tamat kursus latehan mereka di-United Kingdom manakala Isa dalam percutian.

* Tuan D.C. White O.B.E., *
* O.S.S. telah di-lantek *
* menjadi British Resid- *
* ent Brunei mulai dari *
* 12hbl July, 1958 meng- *
* gantikan Tuan J.O. Gil- *
* bert yang telah balek *
* berchuti dan saterus- *
* nya bersara. *

100 ORANG MENGAMBIL BAHAGIAN

Semua-nya mendapat sambutan

Dalam pertandingan bacha'an Al-Qoran tahun ini, antara sam-butan2 Tahun Baharu Hijrah, yang telah berlangsung pada 19hbl July yang lalu dan ber-tempat di-Mesjid Besar Bandar Brunei, bagi Daerah Brunei se-ramai 100 orang lelaki dan pe-rempuan telah mengambil baha-gian. Kesemua-nya telah menda-pat sambutan baik.

Bahagian lelaki orang tua terbahagi kepada dua bahagian ia-itu pasokan "A" dan "B".

Antara para peserta itu 44 orang pasokan lelaki "B", 17 orang lelaki "A", kanak2 lelaki 18 orang, kanak2 perempuan 14 orang dan orang2 tua perempuan seramai 7 orang.

Keputusan pertandingan ada-lah seperti berikut:

Orang Tua lelaki "A" - yang pertama Mohammad Yussuf bin Abdul-Lattif dari Kampong Sung-ai Kianggeh dengan markah-nya 492 mata; kedua Haji Wasli bin haji Jalil dari Kg. Sungai Keda- yang dengan markah-nya 477 mata dan yang ketiga Awangku Mohidi bin Pengeran Omar dari Sungai Kianggeh dan Awg Abdul Mo'min dari Sungai Kedayan dengan mar-kah mereka (sama markah) 473 mata. Tahun lepas gelaran johan bagi Daerah Brunei juga telah di-sandang oleh Mohammad Yussuf bin Abdul-Lattif dan dari-itu ia telah menjadi johan dalam pertandingan membecha Qoron dua tahun berturut2.

- bersambung di-muka 3 -

- sambongan dari muka 2 -

Orang tua lelaki "B" - yang pertama Sabtu bin Ahmad dari Kampong Kiarong dengan markah-nya 469 mata, kedua Awang Abdul Hamid dari Kampong Lurong Sekuna dengan markah-nya 467 mata dan yang ketiga Haji Kawang dari Kampong Saba dengan markah-nya 465 mata.

Orang tua perempuan - yang pertama Dayang Zaleha binte Awang Maksom dari Sungai Kianggeh dengan markah-nya 468 mata, kedua Asmah binte Awang Tahir dari Kampong Ujong Bukit dengan markah-nya 441 mata dan yang ketiga Dayang Jamilah binte Abdul-Lattif dari Sungai Kianggeh dengan markah-nya 438 mata.

Kanak2 lelaki - yang pertama Shahari bin Awang Hussain dari Sungai Kedayan dengan markah-nya 469 mata, kedua Sabli bin Mohammad Yassin dari Kampong Padang Baharu dengan markah-nya 458 mata dan yang ketiga Umar bin Haji Seruddin dari Lurong Sekuna dengan markah-nya 453 mata.

Kanak2 perempuan - yang pertama Hasnah binte Awang Umar dari Kampong Lurong Sekuna dengan markah-nya 440 mata, kedua Dayangku Maisalamah binte Pengeran Haji Damit dari Kampong Setia Pahlawan dengan markah-nya 438 mata dan yang ketiga Malai Zaleha binte Sheikh Mohammad dari Kampong Padang dengan markah-nya 432 mata. Tahun ini gelaran johan bagi Daerah Brunei di-sandang oleh Hasnah binte Awang Umar yang telah menyandang gelaran naib johan pada tahun lepas.

Pemenang yang pertama dalam tiap2 pasokan tersebut diatas telah terpilih memasuki dalam pertandingan yang akhir di-antara daerah2 seluruh Negeri Brunei.

Bahagian orang tua lelaki - dari Brunei ia-lah Awang Mohammad Yussuf bin Abdul-Lattif, dari Belait Majidi bin Haji Mohammad, dari Seria Basri bin Abon, dari Temburong Awg Mohammad Daun bin T njang, dari Muara Haji Mohiddin bin Haji Jamuddin dan dari Tutong Awang Tengah bin Abdul-Ghafar.

Bahagian orang tua perempuan - dari Brunei ia-lah Dayang Zaleha binte Awang Maksom, dari Belait Dayang Fatimah binte Awang Ahmad, dari Seria Fatimah binte Haji Sahari, dari Temburong Che' Kamsiah binte Mohammad Yassin, dari Tutong Zainon binte Mohammad Jawawi dan Muara tidak tidak diwakili.

PERTANDINGAN PINTU2 GERBANG, MERAYAKAN HARI KEPUTERA'AN -

Antara lain2 pertandingan, antara peraya'an2 yang akan di-adakan pada penghujung bulan September akan datang ini, ia-itu untuk menambahkan lagi meriah dan keindahan suasana peraya'an sambutan Hari Keputera'an Sultan tahun ini maka pertandingan Pintu2 Gerbang juga akan di-adakan di-bawah kelola'an Jawatan Kuasa-nya yang khas.

PEPEREKSA'AN ROYAL
SOCIETY OF ARTS, 1958

Pepereksa'anRoyal Society of Arts bagi tahun ini akan di-adakan mulai pada 26hb1 Npvmber akan datang ini hingga penghujung bulan December, 1958. Pepereksa'an tersebut akan berpusat di-Bandar Brunei dan di-Kuala Belait.

Segala permohonan masuk berpekerja hendaklah di-tulis di-atas borang yang khas dan ini boleh di-dapat dari Tuan Pengetua SOAS College, Bandar Brunei atau pun dari Sekolah Inggeris Kerajaan, Seria.

Borang2 itu hendaklah di-alamatkan kepada Pegawai2 Pelajaran di-Bandar Brunei, dan hendaklah sampai di-pejabat tersebut tidak lewat dari 16 haribulan akan datang ini.

Borang2 yang lewat dari tarikh itu di-terima tidak akan mendapat layanan.

Pertandingan ini terbuka kepada seluruh golongan penduduk di-Brunei: pejabat2 Kerajaan, Persekutuan2, sekolah2, kampung2, Kontrektor2, Firma2 dan saumpanya baik sachara bergabung atau pun bersendirian.

Hadiah2 akan di-berikan kepada pemenang2 pertama, kedua, ketiga dan empat hadiah2 tambahan.

Pintu2 gerbang yang akan didirikan hendaklah di-ukir dengan ukiran/chantek2 dan tingginya dari tanah tidak kurang dari 15 kaki, hendaklah di-dirikan dari parit ka-parit.

Segala chogan kata yang akan menghiasi pintu2 gerbang itu mahulah terlebih dahulu di-hantar kepada Jawatan Kuasa Pintu Gerbang di-alamatkan ka-Jabatan Penerangan Kerajaan Brunei, di-Bandar Brunei; utus mengutus juga hendaklah di-alamatkan kepada Setia Usaha-nya di-alamat yang sama.

Permohonan2 bolehlah di-hantar tidak lewat dari pertengahan bulan ini untuk menghindarkan kesuntukan, dan juga bagi menyenangkan J/Kuasa itu mengatorkan-nya.

NAIK HAJI TAHUN DEPAN

Kapada seluroh umat Islam dalam Negeri Brunei ini ada-lah di-maklumkan bahawa sesiapa yang hendak pergi menunaikan fardzu Haji pada tahun hadapan dengan ini di-minta mendaftarkan nama2 mereka dari sekurang juga. Demikian Pejabat Adat Istiadat Negeri, Ugama dan Kebajikan Musharakat, Brunei.

Maka dengan berbuat demikian, akan menyenangkan Penguasa Haji di-Persekutuan Tanah Melayu bagi membuat jadual2 pelayaran kapal Haji.

Mendaftarkan nama jangnan-lah lewat dari 1 hbl November, 1958.

Borang2 permohonan kerana ini boleh-lah minta dari Pejabat Adat Istiadat, Ugama dan Kabajikan Musharakat, Brunei.

SOAS KALAHKAN KERJARAYA.

Pasokan Sultan Omar Ali Saifuddin College telah berjaya dapat mengalahkan pasokan Pejabat Kerja Raya dalam satu perlawanan terakhir Hockey bagi Daerah Brunei yang telah berlangsung pada 26hbl July yang lalu bertempat di-padang SOAS College.

Bakar Rahman dan Thani

- sambongan dari muka 3 -

Bahagian kanak2 lelaki - dari Brunei ia-lah Sahari bin Awang Hussain, dari Belait Faib bin Jaluddin, dari Seria Lahaki bin Jamaluddin, dari Temburong Abi. Ghani bin Haji Abd Rahman, dari Tutong Julaihi bin Abdul Kadir dan dari Muara Kassim bin Awang Lamat.

Bahagian kanak2 perempuan - dari Brunei di-wakili oleh Hasnah binte Awang Umar, dari Belait Che' Siti binte Mohammad Yusof, dari Seria Dayang Masjidah binte Haji Abang Ali, dari Temburong Zainab binte Suboh, dari Tutong Muridah binte Haji Mohammad Yassin dan dari Muara telah di-wakili oleh Nilam binte Bagul.

LANTEKAN2 BAHARU - -

1. Miss H.K. Watson telah dilantek sabagai guru perempuan Bahasa Inggeris di-Pejabat Pelajaran, Brunei mulai dari 8 hbl July, 1958.

2. Miss B. Berthoud telah dilantek sabagai pemangku jawatan Matron di-tempatkan di-Rumah Sakit Besar, Kerajaan di-Bandar Brunei mulai dari 12hbl July, 1958.

3. Mr D.K. Lyons telah dilantek sabagai Chief Accountant di-tempatkan di-Pejabat Kerja Raya, Brunei mulai dari 14hbl July, 1958.

Hamid, masing2 telah menyombat sagoldan dari-itu SOAS telah menang 2 gol tidak berbalas.

Piala pertandingan telah disampaikan oleh British Resident.

- dari muka depan -

Terus menerus baginda tidak jemu2 mengemukakan an-nasihat2 yang berupa pimpinan dan panduan bagi semua anggota dan tegas-nya memberikan sombangan supaya kesemua-nya terlebih dahulu berkelahi itu ada baik-nya dari berkelahi kemudian, apakala dalam memperbinchangkan satu satu perkara. "Saya berharap semua ahli2 Yang Berhormat seperti pepatah Melayu 'biar berkelahi dahulu di-waktu merundingkan perkara di-sini, jangan berkelahi kemudian". Baginda menambah titah, "saya harap serta saya pohonkan kepada ahli2 semua jangan sampai-nya seperti pepatah Melayu 'bertelingkah antan di-lesong' dan 'muafakat itu berkat'". Saterus-nya titah baginda, "adat istiadat kadang2 dapat berubah atau tidak di-pakai. Yang maseh terpakai ia-lah muafakat."

Demukian antara panjang lebar titah baginda dalam suatu majlis mashuarat khas itu.

PERTANDINGAN AKHIR

M E M B A C H A Q O R A N S E L U R O H N E G R I

Pada 27hb1 July yang baharu lalu, telah berlangsung pertandingan membacha Qoran bagi seluruh Negeri Brunei bertempat di-Masjid Besar Bandar Brunei. Tamasha telah di-saksikan oleh ramai, antara-nya terdiri dari kaum ibu.

Pemenang2 dalam pertandingan ini - bahagian orang tua lelaki: yang pertama Awg Md Yussuf bin Abd. Lattif (422 mata) dari Brunei; kedua Basri bin Abon (421 mata) dari Seria; ketiga Awg Tengah bin Abd. Ghafor (408 mata) dari Tutong.

- bersambung di-muka 8 -

ROMBONGAN AKHIR JAMA'AH HAJI

T I B A --

Jama'ah Haji dari Brunei yang terakhir telah selamat kembali ka-Tanah Ayer di-Bandar Brunei dari Labuan dengan kapal2 Keraja'an "BOLKIAH" dan "MUARA", pada 29hb1 July yang baharu lalu ini.

Dari Singapura jama'ah itu telah menumpangi kapal "KINABALU".

---- ++ ----

Tatkala memberi ucapan, Tuan White berkata, "Kewajipan saya sebagai sa-orang penasihat tuanku, sedia bertulus ikhlas menolong di-mana2 saya boleh bagi menayakan segala kemajuan". Demikian Tuan White antara lain.

"Saya harap kita ahli2 mashuarat ini akan berkerjasama untuk kemajuan dan faedah Brunei".

"Buat penutup-nya, saya berdoa'a tuanku akan di-berkati dengan umur panjang, keraja'an tuanku akan sentiasa diperingati turun temurun sebagai sa-buah negara yang aman".

- 7 -

TAYANGAN WAYANG G A M B A R PEJABAT PENERANGAN

Di-bawah ini ia-lah Jadual waktu Tayangan Wayang Gambar Jabatan Penerangan Kerajaan Brunei untuk Daerah2 Brunei, Tutong dan Muara untuk bulan August, 1958 ini.

oooooooo

× LAMBAGA BANDARAN BRUNEI MEMPERELOK BANDAR

Lambaga Bandaran Brunei dalam satu mashuarat-nya yang telah berlangsung baharu2 ini telah memutuskan beberapa perkara guna memperelok lagi bentok bandaran dan kebersehan di-kawasan2 Bandar Brunei.

Antara lain telah di-putusan dalam persidangan itu ia-lah meratakan dan membersehan Taman Hiboran Kanak2 yang berdekatan dengan Rumah Sakit Besar di-Bandar Brunei sabelum-nya segala alat permainan yang akan di-tempatkan di-sana di-beli. Ini akan di-selenggarakan oleh badan tersebut.

Bagi membina sa-buah workshop perkapalan yang baru lambaga ini menchadangkan supaya bangunan ini di-tempatkan di-tempat pemecahan batu yang ada sekarang berhadapan dengan gedong kepunya'an Harrison & Crossfield di-tebing Sungai Kianggeh.

Mengenai Undang2 pasaran, kedai2 kopi dan kedai2 tukang gunting yang telah dirangka oleh Pegawai Kesehatan dan lambaga ini telah meluluskan-nya, hanya kewajipan menjaga kebersehan

Pada malam 2 hbl August - di-kawasan Rumah Sakit Kerajaan, Brunei; 3 hbl August - di-kawasan Rumah Mr L. Dolbey, Gadong; 4 hbl di-Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong; 6 hbl August - di-Kampung Bengkurong, Brunei; 7 hbl di-Kampung Burong Pingai, Brunei; 9 hbl August - di-Dewan Pejabat Penerangan Kerajaan, Bandar Brunei; 11 hbl August - di-Kampung Khatib Sulaiman, Brunei; 13 hbl August - di-Sekolah Melayu Sultan Umar Ali Saifuddin, Muara; 16 hbl August - di-Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kitanas; 18 hbl August - di-Sekolah Melayu Keriam, Tutong; 21 hbl August - di-Sekolah Melayu Sultan Mohammad Jamal-ul-Alam, Brunei; 23 hbl August - di-Batu 18, Jalan Tutong; 25 hbl August - di-Sekolah Melayu Danau dan pada malam 30 hbl August - di-kawasan Penjara, Jerudong.

Tiap2 tayangan tersebut akan di-mulakan penayangan-nya pada pukul 7.15 petang, dan ranchangan ini mungkin mendapat perubahan kalau terpaksa.

ada-lah terpulang kepada Lambaga Bandaran.

Penjualan ternakan2 hidup, seperti ayam itek yang ada di-pasar sekarang akan juga di-berhentikan oleh lambaga ini dan sa-buah tempat yang khas boleh di-gunakan sementara menunggu satu bangunan yang khas untuk penjualan ternakan2 hidup.

BERGELAR

DYMM Maulana Al-Sultan dengan penoh sukachita menganugerahi nama (gelaran) kepada:

1. Yang di-Muliakan Pehin Khatib Haji Ali Hussain menjadi Pehin Orang Kaya Perbendahara'an Diraja, istiadat bergelar telah berlangsung pada 28hbl July, 1958 di-Lapau.
2. Yang di-Muliakan Pehin Bendahari Awg Abd. Rahman menjadi Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja, istiadat bergelar di-langsungkan hari ini di-Lapau.
3. Mr Lim Teck Hoo menjadi Kapitan China Derma Raja, istiadat bergelar akan di-langsungkan besok di-Lapau.
4. Mohd Taha bin Bakir menjadi Pehin Bendahari, istiadat bergelar akan di-langsungkan pada 4hbl August akan datang ini di-Lapau.
5. Yang di-Muliakan Mudim Haji Abd. Mo'min menjadi Khatib, istiadat bergelar akan di-langsungkan pada 7hbl August ini di-Lapau.
6. Haji Wasli bin Haji Abd. Jalil menjadi Mudim, istiadat bergelar akan di-langsungkan pada 8hbl August bertempat di-Rumah Duli Pengeran Bendahara.

- sambongan dari muka 6

Bahagian orang2 tua perempuan: yang pertama Fatimah binte Haji Sahari (379 mata) dari Seria; kedua Danyang Zaliha Maksom (378 mata) dari Brunei dan ketiga Che' Kamsiah Yassin (347 mata) dari Temburong.

Bahagian kanak2 lelaki: yang pertama Abd. Ghani Hj. Abd. Rahim (398 mata) dari Temburong; kedua Bahaki Jamaluddin (396 mata) dari Seria dan ketiga Julaihi Kadir (388 mata) dari Tutong.

Bahagian kanak2 perempuan: yang pertama Che' Siti Mohd Yusof (370 mata) dari Belait; kedua D. Masjidah Hj Abang Ali (364 mata) dari Seria dan ketiga Zainab Kalong (357 mata) dari Temburong.

..... 000

UTUSAN AGONG BELANDA -

Ada-lah di-maklumkan untuk pengetahuan orang ramai bahawa Tuan J.G. Kist dengan resmi-nya telah di-lantek sabagai Utusan Agong Belanda di-tempatkan di-Singapura dengan kuasa-nya juga meliputi Negeri Brunei.

X Pengeran Shahbandar

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dengan penoh sukachita menganugerahi nama (gelaran) Yang Berhormat Mulia Kadzi Besar Brunei Pengeran Haji Mohd Salleh menjadi Pengeran Shahbandar Shahibil-Bandaritu Che-teria bagi Negeri Brunei.

Istiadat membuka gendang jaga2 kerana gelaran tersebut mulai pada 30hbl July, 1958; dan istiadat bergelar akan di-langsungkan pada 12hbl August, 1958, bertempat di-Lapau Diraja.